

29 SEP 2003

IQJ-BAHAN API/I

MALAYSIA SEDIA JADI PENERAJU BARU DALAM TEKNOLOGI KENDERAAN ELEKTRIK BERSIH

CYBERJAYA, 29 Sept (Bernama) -- Malaysia sudah bersedia untuk menjadi peneraju baru dalam teknologi kenderaan elektrik bersih dengan penggunaan bahan api logam tak nyala yang dihasilkan oleh InventQjaya Sdn Bhd, kata pengerusi dan ketua pegawai eksekutifnya, Dr Sadeg Mustafa Faris.

"Sebagai permulaan, kita mempunyai sekumpulan 20 kereta yang diberi nama Malaysia eVictory (MeeVictory) dan 150 skuter elektronik bagi mempermudah pengangkutan di sini dan di Putrajaya dalam 12 bulan lagi," katanya kepada pemberita selepas majlis taklimat media mengenai teknologi IQJ di sini, hari ini.

Katanya, IQJ akan menjalankan ujian ke atas MeeVictory dari Cyberjaya ke Bukit Kayu Hitam pada 11 Okt, sempena pelancaran rasmi makmal baru serba moden IQJ oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

IQJ, sebuah usahasama antara kerajaan Malaysia dan Reveo Inc dari the USA, adalah sebuah makmal penyelidikan dan pembangunan (R&D) mega yang direka khas untuk mempercepatkan inovasi ekonomi berlandaskan pengetahuan bertaraf dunia bagi Malaysia.

Dr Sadeg, yang merupakan pengerusi, presiden dan ketua pegawai eksekutif Reveo Inc. berkata, kos kereta ini adalah lebih murah berbanding kereta-kereta biasa lain.

"Kita harap MeeVictory akan mencipta satu rekod baru dunia kerana boleh bergerak di antara 500km dan 600km berbanding eVictory Reveo Inc yang bergerak sejauh 340km tanpa mengisi semula minyak atau caj semula," katanya.

Katanya, eVictory yang dicipta oleh Reveo Inc itu telah dicatat dalam Guinness Book of Record.

"Dan kita harap MeeVictory ciptaan Malaysia kita akan dapat memecah rekod Reveo Inc," tegas Dr Sadeg.

Beliau juga berkata, kuasa logan ini boleh digunakan bagi kereta-kereta Perodua.

Bahan api logam tidak nyala ini adalah satu penyelesaian tenaga inovatif bagi umat manusia. Ia merupakan ciptaan pertama di dunia, mesra alam, murah dan lebih tinggi ketumpatan kuasanya. -- BERNAMA

TNS KTC KY AHM